



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

 www.mbpj.gov.my
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 

 [pjcitycouncil](https://www.youtube.com/pjcitycouncil)
 pj@mbpj.gov.my
 [smartpj](https://www.smartpj.gov.my)

BIL. 1/2020 • 📞 : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 📠 : 03-7958 2695 ✉ : media@mbpj.gov.my **PERCUMA**



Berita Penuh MS. 3

SAMBUTAN RUMAH TERBUKA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA DAN CAP GOH MEI TAHUN 2020



FRONTIER TECHNOLOGIES AS AN INNOVATION TOOL TO TRANSFORM WASTE TO WEALTH

Majlis telah membelanjakan anggaran sebanyak RM 85 juta bagi perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam.

Berita Penuh MS. 4



WAWANCARA KHAS DATUK BANDAR PETALING JAYA

Pihak Majlis juga menetapkan dan mengguna pakai 9 kriteria utama bagi tujuan menganalisa pelaksanaan program PCKPJ di peringkat Majlis untuk memastikan objektif program ini tercapai.

Berita Penuh MS. 6 - 7

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | smartpj

PENAUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT
Hjh. Azlinda Binti Azman
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Muhamed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyah Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shah Bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

**MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA**
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
Tel : 03-7958 2695 | media@mbpj.gov.my



PENCAPAIAN PRESTASI PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN PETALING JAYA

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

PRESTASI PERMOHONAN

Bagi Tahun 2019 Majlis telah menerima sebanyak 1,329 permohonan sejak 1 Januari hingga 31 Disember 2019 dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 1,329 permohonan dan kesemuanya diselesaikan dalam tempoh piagam yang ditetapkan. Bagi tahun 2020 Majlis masih menetapkan sasaran untuk memproses 100% permohonan kelulusan pelan pembangunan berdasarkan kepada piagam yang telah ditetapkan walaupun terdapat beberapa perubahan yang telah dilaksanakan bagi mempercepatkan proses.

Majlis juga telah memansuhkan pelaksanaan prarundingan bagi permohonan pelan-pelan pembangunan di Petaling Jaya berkuatkuasa 1 Disember 2019. Bagaimanapun, Majlis masih mengguna pakai model 3.0 sebagai proses permohonan pelan pembangunan di Petaling Jaya.

Majlis turut mengekalkan proses pemakluman permohonan pelan pembangunan kepada jiran melalui Notis Pemakluman yang diwajibkan ketika pengemukaan pelan Kebenaran Merancang. Bagi tahun 2020 Majlis telah menetapkan sasaran untuk melaksanakan Proses OSC 3 Plus sebagai prosedur bagi permohonan pelan pembangunan yang dikemukakan kepada Majlis.

DASAR BARU KERAJAAN NEGERI (DASAR 100 HARI)

Untuk tahun 2020, berdasarkan keputusan di dalam MMKN, Kerajaan Negeri telah menetapkan satu dasar baru iaitu 100 hari melibatkan proses Kebenaran Merancang (KM) dan urusan pembangunan tanah yang mana merupakan KPI yang ditetapkan kepada setiap Datuk Bandar, YDP dan juga Pegawai Daerah.

Majlis akan memastikan ianya dapat dilaksanakan dan pada masa yang sama cuba diselarakan dengan dasar atau piagam yang ditetapkan di peringkat Kerajaan Tempatan OSC 3.0 dan OSC 3 Plus. Perkara ini bukan satu perkara yang sukar untuk dicapai oleh Majlis bagi dasar 100 hari ini kerana proses-proses Majlis telah dilaksanakan dengan baik.

Maklum balas juga turut diterima berkaitan proses prarundingan walaupun Majlis telah bersetuju memansuhkan proses ini tetapi perundingan masih memerlukan proses prarundingan ini dibuat kerana ianya banyak membantu dalam kelulusan pelan pembangunan. Perundingan ini juga disarankan untuk menulis surat rasmi kepada KPKT berkaitan perkara ini untuk kemungkinan dinilai semula keberkesanan proses prarundingan ini.

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Hjh. Azlinda Binti Azman
Timbalan Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

**TPr. Hjh. Sharipah Marhaini
Binti Syed Ali**
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

**Datin Sr. Amreeta Kaur
A/p Pretham Singh**
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Dr. Badruzaman Bin Jaafar
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura Binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari Bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza Binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764


Hjh. Norlida Binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0130

Norzita Binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi A/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan
Petaling Jaya Utara**
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942



SAMBUTAN RUMAH TERBUKA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA DAN CAP GOH MEI TAHUN 2020

PETALING JAYA

 ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
 abdulhakim@mbpj.gov.my

Raja Muda Selangor berkenan untuk menyempurnakan Sambutan Rumah Terbuka Sempena Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2020 anjuran Kerajaan Negeri pada 1 Februari 2020.

Sambutan Rumah Terbuka ini diadakan di Dataran Petaling Jaya, Jalan Timur, Seksyen 52, Petaling Jaya bermula jam 6.30 petang. Penganjuran ini turut mendapat kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Invest Selangor serta agensi dan jabatan kerajaan yang lain.

Sambutan rumah terbuka ini adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan, persepakatan dan persefahaman berbilang kaum di negara ini malah berharap sambutan perayaan ini dapat merapatkan lagi hubungan di antara pemimpin dan masyarakat yang sedia terjalin.

Para pengunjung digalakkan menggunakan pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) dan perkhidmatan Bas Percuma, PJ City Bus yang

disediakan oleh Majlis dari stesen terpilih ke lokasi. Empat hentian yang terlibat adalah PJ01 (Taman Medan-PPUM), PJ02 (LRT Taman Jaya-SS2), PJ03 (LRT Taman Bahagia-SS6 Kelana Park View) dan PJ04 (LRT Taman Bahagia-Sg. Way-SS2).

Penguatkuasa MBPJ dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama-sama menempatkan anggota masing-masing bagi kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di lokasi sambutan perayaan rumah terbuka ini.

Seterusnya pada 8 Februari 2020 (Sabtu) di Tasik Taman Jaya, Seksyen 10, Petaling Jaya telah diadakan sambutan Cap Goh Mei 2020. Manakala pada 10 Februari 2020.

sambutan perayaan Tahun Baru Cina peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sambutan ini juga turut disekalikan dengan perasmian Pasar Lambak Pagi berbumbung di SS2.



Raja Muda, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah turut menghadiri memeriahkan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri yang diadakan di Padang Timur, Petaling Jaya.



Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Datuk Bandar Petaling Jaya, menandatangani plak perasmian Medan Pasar SS2 semasa sambutan Tahun Baru Cina, Peringkat MBPJ.



Dato' Mohd Sayuthi Bakar, Datuk Bandar Petaling Jaya, melakukan demonstrasi memaling limau sebagai simbolik perasmian sambutan Chap Goh Mei.

FRONTIER TECHNOLOGIES AS AN INNOVATION TOOL TO TRANSFORM WASTE TO WEALTH

PETALING JAYA

 ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
 abdulhakim@mbpj.gov.my


Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Persidangan Petaling Jaya Waste Summit pada 4 Disember 2019 yang lalu dengan bertemakan 'Frontier Technologies As An Innovation Tool To Transform Waste To Wealth' sama seperti tema sambutan Hari Habitat Sedunia Tahun 2019.

Pengisian utama di persidangan itu adalah segmen forum yang membahaskan isu kebersihan di Petaling Jaya yang menampilkan beberapa penceramah profesional jemputan. Dalam pada itu, turut berlangsung satu majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara MBPJ dengan KPJ Damansara Specialist Hospital yang akan bekerjasama dalam projek pengkomposan sisa makanan yang berkonsepkan *Waste to Wealth*. Projek ini merupakan model kepada kaedah *on-site disposal system* bagi pelupusan sisa makanan melalui teknologi *Anaerobic Digester*.

Untuk makluman, projek pengkomposan merupakan sebahagian Strategi PJ Mampan 2030 yang diilhamkan oleh Majlis bagi mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal yang menekan belanja amat tinggi. Pada tahun ini Majlis telah membelanjakan anggaran sebanyak RM 85 juta bagi perkhidmatan kutipan sampah dan pembersihan awam. Manakala bayaran fi di tapak pelupusan, Majlis turut menanggung kos sebanyak RM 12 juta.

Oleh yang demikian, Majlis akan mempertingkatkan usaha untuk melaksanakan projek kitar semula dengan melibatkan kerjasama daripada semua pemegang taruh (stakeholder) agar objektif penjimatan dapat dicapai. Majlis telah mensasarkan sebanyak 30 peratus (%) unit kediaman di Petaling Jaya untuk melakukan aktiviti kitar semula.

KEMPEN JOM BAYAR LESEN PERNIAGAAN 2020

PETALING JAYA

 HASBULLAH JUYAHIR
 hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Selaras dengan kempen Jom Bayar Lesen Perniagaan Tahun 2020 yang dilaksanakan oleh Majlis bermula 1 Oktober 2019 sehingga 31 Disember 2019 yang lalu, sejumlah 38,058 aktiviti tred daripada jumlah keseluruhan 40,924 dan 8,574 lesen penjaja daripada 10,291 lesen telah membuat pembaharuan lesen. Selebihnya 4,407 aktiviti perniagaan masih lagi belum memperbaharui lesen perniagaan. Peratusan pembaharuan lesen 2020 adalah sejumlah 93 peratus bagi aktiviti tred dan 83.3 peratus bagi aktiviti penjaja.

Antara aktiviti yang belum memperbaharui lesen bagi tahun 2020 adalah aktiviti seperti berikut:

- » Pejabat pengurusan sebanyak 867 lesen bersamaan 32.3 peratus
- » Kedai runcit/pasar raya/pasar mini sebanyak 290 lesen bersamaan 10.8 peratus
- » Aktiviti bengkel/aksesori/kedai kereta dan motosikal sebanyak 188 lesen bersamaan 6.8 peratus
- » Lain-lain aktiviti seperti butik, restoran, kedai pakaian, gudang, stor dan kedai telekomunikasi sebanyak 1,345 lesen bersamaan 50.1 peratus
- » Penjaja sebanyak 1,717 lesen bersamaan 15.72 peratus

Berdasarkan rekod, Majlis mendapati lokasi premis tertinggi yang tidak memperbaharui lesen ialah di kawasan PJU sebanyak 46.7 peratus, SS sebanyak 24.2 peratus, Seksyen 16.2 peratus dan PJS sebanyak 12.8 peratus.


Bagi pemegang lesen tred dan usahawan mikro yang gagal memperbaharui lesen tahun 2020 sebelum 31 Disember 2019, Majlis mengenakan caj pemprosesan sebanyak RM 50 bagi pembaharuan lesen yang dibuat sehingga 31 Mac manakala RM 300 dikenakan bagi pembaharuan lesen yang dibuat sehingga 30 Jun 2020. Manakala, pembatalan lesen akan dilaksanakan sekiranya pembaharuan lesen tidak dibuat selepas 30 Jun 2020.

Manakala bagi aktiviti iklan luaran pula, pemegang lesen yang memperbaharui lesen pada bulan April hingga Jun 2020 akan dikenakan caj pemprosesan 1 peratus daripada kadar lesen, dan caj 2 peratus dikenakan sekiranya pembaharuan dibuat pada bulan Julai hingga September 2020 serta tindakan mahkamah akan dikenakan sekiranya pembaharuan lesen tidak dibuat sehingga bulan Oktober.

Majlis akan mula melaksanakan semakan dan penguatkuasaan pembaharuan lesen tahun 2020 bermula pada 3 Februari 2020. Semakan yang akan dilaksanakan adalah ke arah premis perniagaan tanpa lesen, premis perniagaan yang gagal memperbaharui lesen serta aspek pematuan syarat-syarat lesen. Majlis akan meneruskan

tindakan kompaun, notis sitaan dan pendakwaan ke atas mana-mana premis yang gagal mematuhi undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan tanpa sebarang amaran.

Pada tahun 2019, sebanyak 10,745 tindakan kompaun, 1,542 tindakan notis, 3,107 tindakan sitaan serta 68 tindakan pendakwaan telah dijalankan ke atas aktiviti tred, penjaja dan halangan di seluruh kawasan Petaling Jaya. Sehubungan dengan ini, Majlis ingin menasihati semua pemilik perniagaan agar mendapatkan lesen perniagaan sebelum memulakan sebarang aktiviti serta mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan.





FOKUS BELANJAWAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BAGI TAHUN 2020

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan memastikan belanjawan yang diperuntukkan digunakan dengan penuh cermat, berhemah dan berintegriti. Majlis akan terus memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap optimum dengan memberi penekanan kepada semua aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis.

Bajet 2020 disediakan berdasarkan kepada *priority based budgeting* iaitu keutamaan kepada perbelanjaan yang komited, perbelanjaan menaik taraf dan projek-projek sambung yang belum selesai. Pada tahun 2020, anggaran kutipan hasil adalah berdasarkan kepada kutipan sebenar yang boleh dikutip dan Majlis akan berusaha untuk mencari ruang seluas mungkin supaya kutipan hasil boleh ditingkatkan melalui penyusunan dan pemantauan tatacara kutipan hasil. Langkah ini amat penting dan perlu diambil tindakan bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis sentiasa kukuh.

Pada tahun ini, Majlis akan mengambil pendekatan berbelanja secara berhemah dan memberi fokus kepada amalan budaya menyelenggara dengan menumpukan kepada kerja-kerja *back to basic* bagi perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran, pencahayaan bandar, menaik taraf dewan serta program penghijauan bandar. Di samping itu, Majlis akan meneruskan lagi program-program pembangunan masyarakat dan sosial melalui program keselamatan yang melibatkan penduduk bagi mengurangkan kadar jenayah di Petaling Jaya. Langkah ini diharapkan akan dapat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera untuk didiami.

Selain itu, sebagai penyedia perkhidmatan, Majlis sangat peka untuk menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan kelancaran lalulintas, penguatkuasaan dan lain-lain dengan lebih berkesan supaya dapat memenuhi ekspektasi masyarakat yang membayar cukai.

Bertemakan Bandar Raya Berdaya Tahan, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kerancakan (vibrant), berdaya huni, reka bentuk sejagat (universal design), 'value for money', kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisien berteraskan kepada matlamat pembangunan lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) yang seiring dengan wawasan 'PJ Sustainable 2030'. Bandar raya lestari dan berdaya tahan yang dicadangkan ini akan memfokuskan kepada empat pengurusan *back to basic* seperti berikut:

- Pengurusan Infrastruktur dan Kemudahan Awam
- Pengurusan Taman, Padang dan Landskap
- Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
- Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial dan Kemasyarakatan

FOKUS PENGURUSAN INFRASTRUKTUR

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis akan memberikan tumpuan dan fokus utama terhadap pengurusan infrastruktur di kawasan pentadbiran Petaling Jaya berada di dalam keadaan yang baik dan selamat. Program menaik taraf jalan raya, sistem saliran, sistem pencahayaan dan kemudahan awam menjadi keutamaan Majlis pada setiap masa. Walaupun berhadapan dengan kekurangan sumber hasil, Majlis tetap berusaha memastikan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur di beri penekanan.

Bagi pelaksanaan tahun 2020, Majlis bercadang untuk menaik taraf jalan dan perparitan di Jalan PJS3/40, PJS 3 untuk mengatasi masalah banjir yang disebabkan oleh pemendapan tanah di kawasan berkenaan. Projek ini dicadangkan dengan anggaran bajet berjumlah RM4 juta. Selain itu, Majlis juga memperuntukkan RM2 juta bagi mengatasi masalah banjir di SS7/18 dengan menaik taraf tebatan banjir di SS5A/18 dan juga tebatan banjir di parit hujan lebat Jalan Sg. Jernih 8/1 – Jalan Templer (Fasa 1). Selain projek yang telah dikenal pasti tempatnya, Majlis juga memperuntukkan RM1 juta bagi penyelenggaraan longkang yang tidak berjadual.

Program penyelenggaraan jalan akan diteruskan dengan kos penyelenggaraan adalah RM3.7 juta yang meliputi kerja menurap lorong belakang dan lorong tepi, pembelian batu jalan yang akan dibuat secara *in-house* oleh pasukan Road Geng, penyelenggaraan kontrak tahunan di sekitar Petaling Jaya dan juga penyelenggaraan membaiki pejalan kaki dan bebendul jalan. Untuk makluman, Majlis dianggarkan akan menerima Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris) berjumlah RM30 juta pada tahun 2020.

Bagi program menaik taraf lalulintas, ianya diteruskan dengan kos penyelenggaraan berjumlah RM 2.3 juta dengan melibatkan kerja menaik taraf perabot jalan dan garisan jalan. Majlis akan melaksanakan syor kajian di persimpangan Lebuhraya Utama BU12/1 dan BU12/7 dengan kerja-kerja yang akan dijalankan seperti pembinaan lorong susur, pembinaan bebendul jalan, pemindahan lampu jalan, mengecat garisan jalan dan juga pemasangan papan tanda isyarat. Kerja ini melibatkan kos sebanyak RM 300,000. Majlis juga akan menaik taraf tempat letak kereta berhampiran Stesen LRT Asia Jaya yang mana projek ini telah bermula pada tahun 2019 dan

bersambung ke tahun 2020 melibatkan kos pada tahun 2020 adalah RM400,000.

Kaedah pengurusan infrastruktur dan penyelenggaraan berterusan, secara sistematik adalah satu tanggungjawab Majlis yang perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan diberi sepenuh perhatian bagi memastikan infrastruktur yang disediakan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

Dalam masa yang sama, perkara pokok dan asas yang penting dalam mencapai matlamat ini, adalah perubahan minda dan sikap kepada mentaliti kelas pertama. Ini adalah penting, sama ada peringkat Majlis yang menguruskan infrastruktur dan aset Majlis, mahupun bagi masyarakat dan orang ramai yang dipertanggungjawabkan ketika menggunakannya. Sudah sampai masanya, orang ramai dan masyarakat daripada terus menerus membuat aduan demi aduan kerosakan sebaliknya bersama-sama Majlis menjaga segala kemudahan yang disediakan. Setiap pihak perlu merasa bertanggungjawab terhadap semua kemudahan yang disediakan untuk kegunaan bersama ini.

WAWANCARA KHAS DATUK BANDAR PETALING JAYA

DATO' MOHD SAYUTHI BIN BAKAR BERSAMA WARTAWAN SINAR HARIAN

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.myAUNI AQILAH ABU
auniaqilah@mbpj.gov.myHASBULLAH JUHAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

1. Dato' dilantik sebagai Datuk Bandar Petaling Jaya yang baharu berkuat kuasa 4 April 2019 dan April ini genap setahun mentadbir MBPJ. Bagaimana Dato' melihat prestasi selama setahun ini dan bagaimana pelan perancangan untuk tahun 2020.

Sejak mula diberi amanah untuk memimpin Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 4 April 2019, pelbagai cabaran telah ditempuhi namun apa yang paling penting adalah memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya dan menyelesaikan aduan yang diterima daripada orang awam. Untuk makluman pada tahun lepas MBPJ telah menerima 32 pengiktirafan anugerah dan penghargaan inovasi sama ada di peringkat negeri, nasional dan antarabangsa.

2. Bagaimana Dato' melihat tahap pembangunan di kawasan Petaling Jaya ketika ini. Masih banyakkah pembangunan baru dilaksanakan?

Seperti sedia maklum bandar raya Petaling Jaya sudah padat dan tidak banyak ruang baru untuk pembangunan ini kerana Petaling Jaya kini berada di fasa *redevelopment* (pembangunan semula). Kita akan memastikan pembangunan semula ini mengikut dasar semasa Majlis agar pembangunan semula itu mampan, hijau dan mesra OKU.

Pada tahun 2019, MBPJ telah mengagihkan dana RM 170,000.00 kepada 17 komuniti bagi menggerakkan projek pembangunan mampan di kawasan masing-masing. Komuniti terpilih ini akan berkolaborasi dengan sektor swasta, badan korporat dan pemegang taruh bagi melaksanakan projek di kawasan masing-masing agar lebih komprehensif, berkembang dan membawa impak.

3. MBPJ terkenal sebagai PBT yang prihatin terhadap golongan OKU dalam menyediakan kemudahan kepada golongan itu. Adakah MBPJ mempunyai apa-apa perancangan lagi untuk membina atau menambah baik kemudahan untuk memenuhi kehendak OKU di kawasan bandar raya ini?

Masyarakat sentiasa mengharapkan perkhidmatan terbaik daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis. Walaupun terdapat kekangan dan halangan, Majlis akan sentiasa memastikan segala kemudahan infrastruktur yang ditawarkan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan bermanfaat kepada masyarakat. Sehingga kini, terdapat perkhidmatan yang telah disediakan bagi kegunaan dan kemudahan OKU di seluruh Petaling Jaya antara lain adalah seperti berikut:

a. Tempat Letak Kereta (TLK) OKU

Berdasarkan kepada Kajian Inventori Tempat Letak Kereta OKU di bawah seliaan MBPJ di Petaling Jaya telah mendapati bilangan penyediaan TLK OKU di seluruh Petaling Jaya adalah sebanyak 245 lot yang merangkumi 0.43% daripada keseluruhan TLK di Petaling Jaya.

b. Pelekat Kenderaan OKU

Pelekat Kenderaan OKU disediakan oleh MBPJ sejak tahun 2012 bagi kemudahan OKU untuk

menggunakan kemudahan TLK yang telah disediakan di seluruh Petaling Jaya. Pemohonan pelekat kenderaan perlu dikemukakan ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan dan dokumen lengkap termasuk kad OKU yang dikeluarkan oleh JKM, geran kenderaan, lesen pemandu serta gambar berukuran pasport pemohon perlu disertakan.

c. Van Transit OKU

Sebanyak 3 buah van transit OKU disediakan oleh Majlis bagi khidmat menghantar dan mengambil OKU pada setiap hari bekerja antara jam 8.00 pagi sehingga 5 petang. Kapasiti OKU berkerusi roda bagi setiap van adalah seramai 2-3 orang mengikut saiz kerusi roda. Permohonan untuk menggunakan perkhidmatan ini adalah melalui panggilan telefon ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan pada hari tersebut.

d. Kemudahan Aksesibel Bercirikan *Universal Design* termasuk dewan, taman, hub pengangkutan (perhentian bas)

Sejak tahun 2000, Majlis telah memulakan inisiatif menaik taraf dan menyediakan kemudahan mematuhi ciri reka bentuk sejagat bagi memastikan OKU dapat sama-sama menggunakan kemudahan yang diselia oleh Majlis. Antara kemudahan yang telah dinaik taraf dan disediakan termasuklah pejabat Majlis, perpustakaan, dewan, terminal dan perhentian bas, laluan pejalan kaki, taman-taman awam dan sebagainya.

e. PJCity Bus – (bas bercirikan 'universal design' dan PJCity Bus Apps)

Perkhidmatan PJCity Bus yang telah disediakan Majlis sejak tahun 2014 meliputi 30 buah bas diesel dan 2 buah bas elektrik. Kesemua bas percuma ini dilengkapi dengan 'ramp', ruang pengguna kerusi roda dengan tali pinggang keledar, logo OKU, 'handrail' dan setiap pemandu adalah terlatih untuk mengendalikan OKU. Bas juga ditandakan dengan 'Sticker OKU' untuk kemudahan pengguna OKU. Sementara itu, PJ City Bus Apps berfungsi untuk memudahkan pengguna mendapatkan perkhidmatan secara lebih efisien dan sesuai digunakan untuk semua golongan termasuk OKU. Aplikasi ini sangat membantu bagi OKU penglihatan merancang perjalanan kerana ianya dibina menggunakan WCAG (Web Content Accessibility Guidelines) standard yang boleh diakses oleh pengguna telefon menggunakan sistem audio.

Majlis melalui Jabatan Perancangan Pembangunan telah menyediakan dan merangka Pelan Induk Rekabentuk Sejagat Petaling Jaya 2030 sebagai panduan pelaksanaan keperluan OKU bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Perancangan yang perlu ditambah baik dari semasa ke semasa termasuklah akses OKU kepada bangunan dan infrastruktur, taman awam dan rekreasi, pengangkutan, informasi, komunikasi dan teknologi maklumat, perumahan dengan reka bentuk sejagat serta polisi dan advokasi.

Jabatan juga telah membuat Kajian Inventori TLK OKU di bawah seliaan Majlis bertujuan untuk mengenal pasti tahap penyediaan kemudahan TLK OKU di seluruh PJ, berdasarkan penemuan kajian,

bilangan TLK OKU yang disediakan masih di tahap yang rendah berbanding garis panduan (keperluan TLK OKU adalah 2% daripada keseluruhan TLK) dan keadaan semasa kebanyakan TLK OKU tidak mempunyai papan tanda, akses yang tidak sempurna dan saiz tidak menepati spesifikasi garis panduan.

Kajian ini akan dijadikan panduan untuk Majlis merangka strategi perancangan untuk penambahbaikan mengikut keutamaan. Majlis turut menyediakan kemudahan OKU seperti TLK OKU dan 'ramp' berdasarkan permohonan atau aduan oleh penduduk dari semasa ke semasa. Selain itu, Majlis memberikan tumpuan kepada projek-projek pembangunan Majlis sama ada pembinaan kemudahan, infrastruktur dan taman awam supaya mematuhi keperluan reka bentuk sejagat agar kemudahan baru dan kemudahan naik taraf mempunyai akses dan mesra OKU.

Selain itu, Majlis kerap menerima permohonan yang dimohon oleh OKU adalah permohonan pelekat kenderaan OKU. Sehingga kini, terdapat 974 keping pelekat telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan. Selain itu, permohonan bagi TLK OKU juga agak tinggi, dari 2017 sehingga 2019, terdapat 20 permohonan TLK OKU telah diproses.



4. Apakah langkah diambil MBPJ bagi menangani isu di perumahan kos rendah khususnya melibatkan masalah sampah, isu kemudahan awam, masalah sosial dan sebagainya?

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya yang mengandungi 4 aspek utama iaitu keselamatan persekitaran, keselamatan infrastruktur, keselamatan digital dan pengurusan keselamatan/penguatkuasaan. Pelan Induk Keselamatan Petaling Jaya ini mengandungi strategi dan langkah-langkah pelaksanaan secara menyeluruh ke arah menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya selamat, harmoni dan sejahtera menjelang 2030 seperti berikut:-

a. Pelaksanaan projek pemutihan kawasan "Blackspot" di kawasan perumahan bagi mewujudkan persekitaran kejiranan yang selamat, selesa dan harmoni. Kawasan *blackspot* ini merujuk kepada kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat kalangan penduduk setempat



terhadap ancaman jenayah dan keselamatan. Program pemutihan ini melibatkan beberapa aktiviti dan tindakan terhadap empat sektor utama iaitu persekitaran, keselamatan, pembangunan sosial dan pembangunan ekonomi.

b. Sektor persekitaran meliputi projek-projek menaik taraf elemen Bandar Selamat, menambahbaik sistem pengurusan sampah, menerangkan pencahayaan di kawasan-kawasan gelap yang berpotensi jenayah, memperkasakan program pengindahan bandar, menaik taraf akses laluan kenderaan dan memperkasakan penguatkuasaan secara bersepadu. Program-program keselamatan pula meliputi program-program rondaan dan kehadiran polis, mempertingkatkan kawalan keselamatan melalui pemasangan CCTV dan memperbanyakkan program kesedaran serta penglibatan penduduk terhadap keselamatan.

c. Bagi pembangunan sosial pula, ia akan merangkumi program pembersihan pendatang tanpa izin dan operasi membanteras penagihan dadah secara bersepadu serta memperluaskan program kesedaran kalangan belia dan penduduk terhadap permasalahan sosial. MBPJ akan memberikan kerjasama kepada agensi kerajaan lain bagi mengatasi masalah ini.

Sehubungan itu, perancangan Program Bandar Selamat yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:-

- Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot* bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan *hotspot*;
- Program "OSH in School (Program Keselamatan Sekolah) di dua buah sekolah iaitu SMK Taman Medan dan SMK Lembah Subang;
- Pelaksanaan Pensijilan Siri Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ISO 45001 : 2018; dan
- Pelaksanaan Pensijilan Siri Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001 : 2015.

Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) akan diteruskan pada tahun 2020. Pihak Majlis telah memperuntukkan sebanyak RM1.3 juta bagi meneruskan kesinambungan program PKKPJ kepada Persatuan Penduduk (RA) / Rukun Tetangga (RT) / Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi menubuhkan dan melaksanakan program-program keselamatan di peringkat komuniti masing-masing.

Pihak Majlis juga menetapkan dan mengguna pakai 9 kriteria utama bagi tujuan menganalisa pelaksanaan program PKKPJ di peringkat Majlis untuk memastikan objektif program ini tercapai. Majlis akan terus bekerjasama dan memberikan sokongan kepada RA/RT/JMB bagi mencapai maksud tujuan ini.

Majlis sentiasa bekerjasama dengan rakan strategik seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), PEMADAM, Pengurusan Air Selangor, BOMBA, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mengendalikan program ke arah menangani gejala sosial di pangsapuri kos rendah.

Pada tahun 2019, sebanyak 16 program yang dilaksanakan di mana program tersebut melibatkan komuniti dan pembangunan modal insan kawasan

pangsapuri kos rendah seperti di PPR Lembah Subang 1 dan 2, PPR Kota Damansara, Pangsapuri Desa Mentari dan juga di Flat PKNS, Taman Dato Harun. Pengisian aktiviti seperti pameran, sukan dan pendidikan dan aktiviti khidmat sosial sentiasa diterapkan semasa pengendalian program.

Selain daripada itu, penglibatan Ahli Majlis, ADUN dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) juga memainkan peranan yang penting dalam menangani isu sosial di kawasan setempat dan pelaksanaan program juga akan dilaksanakan di kawasan pemantauan zon masing-masing.

5. Bagaimana prestasi kutipan cukai Taksiran MBPJ pada tahun lalu? Jumlah bajet perbelanjaan paling banyak diperuntukkan untuk apa?

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan memastikan belanjawan yang diperuntukkan digunakan dengan penuh cermat, berhemah dan berintegriti. Majlis akan terus memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap optimum dengan memberi penekanan kepada semua aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis. Bajet 2020 disediakan berdasarkan kepada *priority based budgeting* iaitu keutamaan kepada perbelanjaan yang komited, perbelanjaan menaik taraf dan projek-projek sambung yang belum selesai. Pada tahun 2020, anggaran kutipan hasil adalah berdasarkan kepada kutipan sebenar yang boleh dikutip dan Majlis akan berusaha untuk mencari ruang seluas mungkin supaya kutipan hasil boleh ditingkatkan melalui penyusunan dan pemantauan tatacara kutipan hasil. Langkah ini amat penting dan perlu diambil tindakan bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis sentiasa kukuh.

Pada tahun ini, Majlis akan mengambil pendekatan berbelanja secara berhemah dan memberi fokus kepada amalan budaya menyelenggara dengan menumpukan kepada kerja-kerja *back to basic* bagi perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran, pencahayaan bandar, menaik taraf dewan serta program penghijauan bandar. Di samping itu, Majlis akan meneruskan lagi program-program pembangunan masyarakat dan sosial melalui program keselamatan yang melibatkan penduduk bagi mengurangkan kadar jenayah di Petaling Jaya. Langkah ini diharapkan akan dapat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera untuk didiami.

Selain itu, sebagai penyedia perkhidmatan, Majlis sangat peka untuk menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan kelancaran lalulintas, penguatkuasaan dan lain-lain dengan lebih berkesan supaya dapat memenuhi ekspektasi masyarakat yang membayar cukai. Bertemakan Bandar Raya Berdaya Tahan, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kerancakan (*vibrant*), berdaya huni, reka bentuk sejagat (*universal design*), 'value for money', kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisien berteraskan kepada matlamat pembangunan lestari atau Sustainable Development Goals (SDG) yang seiring dengan wawasan 'PJ Sustainable 2030'. Bandar raya lestari dan berdaya tahan yang dicadangkan ini akan memfokuskan kepada empat pengurusan *back to basic* seperti berikut:

- Pengurusan Infrastruktur dan Kemudahan Awam
- Pengurusan Taman, Padang dan Landskap
- Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
- Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial dan Kemasyarakatan

6. Bagaimana dengan tahap kesedaran kempen kitar semula di kawasan PJ. Adakah ia membantu mengurangkan kos pengurusan sampah? Apakah inisiatif MBPJ untuk merealisasikan usaha ini secara berterusan?

Tahun 2020 akan menyaksikan pengurusan 3R diperkasakan dan diperluaskan selaras dengan skop definisi ekonomi kitaran ataupun *circular economy* seperti yang termaktub di bawah perenggan 70, *New Urban Agenda* dan *Sustainable Development Goals* ataupun SDG ke 12, iaitu *responsible production and consumption*. Konsep ini menyarankan kepada penggunaan sumber secara optimum, pengurangan pembaziran dan penggunaan semula sisa hasil daripada proses pengeluaran dan selepas hayat hidup barangan. Ini bukan sahaja terhad kepada sisa sampah, tetapi sumber lain seperti tenaga dan air. Majlis akan meneruskan usaha mengurangkan penggunaan bahan dan penjanaan sampah serta penstoran dan rawatan menerusi strategi 3R, perubahan paradigma minda masyarakat dan aplikasi teknologi hijau yang lebih giat.

Majlis akan memperuntukkan sebanyak RM180,000.00 melalui program publisiti dan kempen. Program termasuk Jalinan Kasih 3R PJKITA, *Spring Cleaning*, Pengkomposan Sisa Makanan, Pengasingan Sampah di sumber dan Kempen *Waste Warriors* adalah bertujuan untuk memupuk semangat Sisa Sifar dan nilai kitar semula dalam kalangan masyarakat dan semua pemegang taruh lain demi mencapai sasaran PJ Mampan 2030 dan Masyarakat Sisa Sifar 2030, di samping pengurangan kos pelupusan sampah.

Pada masa yang sama, selain daripada barangan kitar semula seperti kertas, aluminium, logam dan kaca yang biasa dikutip, bahan lain seperti kotak minuman, *styrofoam*, minyak masak terpakai, kelapa, plastik dan sisa elektronik isirumah turut akan diberi perhatian. Sejumlah RM300,000 akan diperuntukkan bagi melengkapi keperluan elektrik di PJ Eco Recycling Plaza di SS8 demi memantapkan lagi plaza ini sebagai hab pembelajaran berkenaan kitar semula dan pemprosesan hasil *upcycle* di bawah konsep *circular economy*. Plaza ini yang menjadi penanda aras dalam sektor 3R di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dijangka akan mula menerima kunjungan awam pada awal tahun 2020.

Bagi memperkasakan lagi pengasingan sampah domestik yang berbahaya terutamanya sisa buangan berjadual isirumah seperti bateri alat elektrik rumah, lampu dan mentol di bawah strategi 3R serta memenuhi keperluan rawatan sisa berjadual di tempat kerja Majlis selaras dengan OSHE dan ISO 14001, Majlis akan memperuntukkan RM200,000 bagi melengkapi perkhidmatan dan kemudahan rawatan sisa berjadual di samping memperkenalkan skim kitar semula *household E-Waste* secara berperingkat.

Skim ini diharap akan dapat mendidik masyarakat berkenaan kepentingan sisa berjadual isi rumah yang membahayakan pekerja serta mencemar



tapak pelupusan dan alam sekitar jika tidak diasingkan dengan sisa domestik. Majlis telah mensasarkan sebanyak 30 peratus (%) unit kediaman di Petaling Jaya untuk melakukan aktiviti kitar semula pada tahun ini.

Buat masa ini tahap kesedaran kempen kitar semula di kawasan Petaling Jaya adalah meningkat dan sangat membantu. Terdapat ramai sukarelawan dalam kalangan penduduk untuk program-program kehijauan seperti program kitar semula dan pengkomposan. Sehingga kini, sebanyak 9,225 unit rumah bertanah telah menyertai projek perintis kutipan kitar semula dan sebanyak 141 tan barangan kitar semula telah berjaya dikutip sehingga tahun 2019. Dan bagi program pengkomposan, sebanyak 1,400 isi rumah telah turut serta dan 592 tan sisa makanan telah berjaya dikomposkan. Penyertaan Program Skim Rebat Cukai Taksiran juga telah meningkat sehingga hampir 900 penyertaan bagi tahun 2019. Bagi sekolah dan tadika pula, pertandingan kitar semula akan dilakukan pada setiap tahun dan pada tahun 2019, sebanyak 98 tan barangan kitar semula telah berjaya dikutip. Terdapat inisiatif lain di dalam kitar semula iaitu program beg karung kitar dimana kain rentang atau gegantung diguna semula untuk dijadikan beg dan dalam masa yang sama dapat menjana pendapatan Majlis.

7. Bagaimana MBPJ membantu kerajaan dalam menangani isu kemiskinan bandar?

Pelbagai program dan dasar yang telah dilaksanakan Majlis dalam membantu golongan miskin di bandar untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Antara program yang telah dilaksanakan adalah pemberian bantuan persediaan persekolahan, program asas perkebunan khas untuk golongan B40, Program Penjana Pendapatan Komuniti Bandar dan lain-lain program CSR Majlis laksanakan.

Majlis komited menangani isu kemiskinan bandar di Petaling Jaya ini. Sebagai contoh, pada tahun 2016, MBPJ melalui Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan telah mencetuskan satu idea menarik untuk menjadikan kain rentang dan gegantung diguna semula menjadi produk yang bermanfaat dan berkualiti. Projek tersebut dinamakan sebagai Karung Kitar yang diwujudkan dibawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Menerusi Projek Karung Kitar, golongan sasaran (seperti ibu tunggal, suri rumah) telah dilatih untuk menghasilkan produk yang bermanfaat dan berkualiti seperti beg, tikar, apron, dan pelbagai lagi. Pusat PPKB ini merupakan inisiatif MBPJ membantu pembangunan ekonomi bandar ke arah positif dan mampan dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk dan persekitarannya. Dianggarkan setiap peserta yang menyertai program ini mampu menjana pendapatan tambahan dari RM 500.00 hingga RM 1,000.00 bergantung daripada jumlah tempahan yang diterima. Sehingga kini, seramai 33 orang peserta telah bernaung dalam PPKB di empat lokasi iaitu:

- Pusat Aktiviti, Program Penjana Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Tingkat 1, Dewan Serbaguna MBPJ, Jalan Medan 12
- Pusat Aktiviti, Program Penjana Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Unit 116,

- Blok D, Taman Putra Damai
- Pusat Aktiviti, Program Penjana Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Pondok KRT, Blok3, Taman Dato Harun
- Pusat Aktiviti, Program Penjana Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Dewan Komuniti PJS 6, Jalan PJS 6/1, Kampung Lindungan

Pada Tahun 2018, sebanyak 10,405 produk karung kitar telah dihasilkan dengan jumlah hasil jualan diperolehi adalah RM50,542.00 dan ianya meningkat berbanding tahun 2017 iaitu RM 12,454.00 dengan 3,181 produk karung kitar yang dihasilkan.

Peningkatan hasil itu menunjukkan bahawa projek ini telah mula mendapat perhatian dan sokongan dalam kalangan masyarakat bandar raya ini yang menyokong usaha mengurangkan pencemaran alam dan menjadikan persekitaran lebih kondusif. Selain itu, secara tidak langsung menyokong Kempen Bebas Plastik dengan menjadikan produk seperti beg yang terhasil melalui projek tersebut dijadikan sebagai alternatif kegunaan penduduk setempat.

Projek Karung Kitar juga turut mendapat pengiktirafan paten inovasi oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO). Lebih menarik, Projek Karung Kitar muncul Johan Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) dan Projek Hibrid Terbaik di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2017.

Majlis telah merancang pelbagai program di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) sejak tahun 2008. Bahagian Khidmat Komuniti & Pembangunan Modal Insan MBPJ mempunyai peruntukan untuk melaksanakan program PPKB bagi membantu golongan B40 di kawasan Petaling Jaya. Antara program yang dianjurkan oleh Majlis adalah seperti bantuan sumbangan sempena perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali.

Sebagai PBT yang prihatin dengan tanggungjawab sosial terhadap penduduk setempat, Majlis juga mengadakan Program Sentuhan Kasih kepada golongan terlantar dan kurang upaya di mana pemberian berbentuk barang-barang kesihatan dan keperluan rumah diberikan kepada keluarga yang memerlukan. Selain itu, Majlis juga mengadakan program berbentuk kemahiran dan pendidikan yang telah dilaksanakan seperti:-

- Kursus Membuat Cookies,
- Kursus Membuat Kek Brownies,
- Kursus Pembuatan Pau,
- Kursus Jahitan Alas Kaki,
- Kursus Jahitan Karung Kitar.

Objektif kursus ini adalah bagi memastikan kemahiran yang perolehi secara tidak langsung dapat membantu menjana dan meningkatkan pendapatan isi rumah. Hasilnya, Majlis kini mempunyai tiga (3) Pusat Aktiviti PPKB beroperasi di PPR Lembah Subang, Flat PKNS Taman Dato' Harun dan juga di Dewan PJS 6/1, Kg. Lindungan yang memberikan peluang kepada 30 orang suri rumah berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan tambahan.

Dari aspek pendidikan, Majlis juga turut

memberikan sumbangan kepada anak-anak golongan B40 dengan menganjurkan program Tuisyen SPM kepada Sekolah Angkat MBPJ seperti di berikut:-

- SMK Taman Medan,
- SMK Taman Dato' Harun,
- SMK Damansara Damai,
- SMK Bandar Sri Damansara 2,
- SMK Seksyen 8, Kota Damansara

9. Apakah pelan perancangan untuk tempoh jangka masa pendek dan jangka panjang yang telah dirancang. MBPJ mahu dikenali sebagai bandar apa pada masa depan? Masihkah dikenali sebagai bandar pembelajaran dan hala tuju perancangan untuk mencapai hasrat berkenaan?

Wawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya adalah untuk menjadi sebuah bandar raya mampan dan berdaya huni dengan imej dan urus tadbir baik serta persekitaran yang selamat, harmoni dan sejahtera. Ke arah itu, Majlis telah menyediakan satu rangka kerja pembangunan mampan jangka masa panjang "PJ Sustainable 2030" dengan menetapkan 5 hala tuju utama iaitu "alam sekitar", "ekonomi berdaya saing", "budaya dan komuniti", "habitat berdaya huni" dan "urus tadbir baik".

Peranan Majlis sebagai pengurus bandar raya Petaling Jaya yang sedang mengalami proses urbanisasi yang pesat turut berhadapan dengan pelbagai cabaran terutamanya dalam aspek pengurusan projek-projek pembangunan dan infrastruktur. Isu keselamatan dalam konteks persekitaran dan infrastruktur juga menjadi semakin mencabar apabila berlakunya kes-kes kemalangan di tapak pembinaan yang berpunca daripada kecuaihan pihak kontraktor dalam memastikan aspek keselamatan dan kesihatan semasa kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan dilaksanakan.

Dalam pada masa yang sama Majlis sedang menuju ke arah matlamat pembangunan lestari atau dikenali sebagai *Sustainable Development Goals* (SDG) yang seiring dengan wawasan 'PJ Sustainable 2030'. Untuk makluman *Sustainable Development Goals* (SDGs) (atau dikenali sebagai Global Goals for Sustainable Development, 17 Global Goals) merupakan sebuah agenda yang ditetapkan semasa Persidangan Umum Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015. Mengandungi 17 sasaran berskala global yang dirangka sebahagian daripada Resolusi 70/1 Persidangan Umum Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu: 'Transformasi Dunia: Agenda Pembangunan Mampan 2030'. Agenda tersebut mempunyai sasaran yang meluas untuk dicapai, merangkumi isu pembangunan sosial dan ekonomi yang mencabar seperti kemiskinan, kebuluran, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, kesaksamaan jantina, sumber air dan tenaga, kebersihan, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial.

Kesemua isu dan cabaran ini menghendaki Majlis meningkatkan daya tahan dan keupayaan untuk mengurus aspek keselamatan dengan lebih sistematik, holistik, efektif dan kreatif, serta mencari penyelesaian yang lebih erat dengan semua pihak berkepentingan terutamanya masyarakat dan penduduk Petaling Jaya.



MAJLIS APRESIASI KRT LENGKOK GOLF SS7

SS7, 1 JANUARI 2020 - Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah menganjurkan Majlis Apresiasi KRT Lengkok Golf SS7 bagi meraikan ahli jawatankuasa KRT, ketua blok dan petugas skim rondaan sukarela (SRS). Majlis turut dihadiri Ahli Majlis Zon 11, Tn. Sr. Thayalan a/l Krishnasamy dan Pegawai Perpaduan Daerah Petaling, En. Mirza Alauddin Razali.



SENAM SENI @ TAMAN TASIK BANDARAN

KELANA JAYA, 5 JANUARI 2020 – Untuk memupuk gaya hidup sihat dalam kalangan warga Kelana Jaya, Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar telah menaja aktiviti senam seni yang akan diadakan pada setiap hari Ahad di Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya. Aktiviti senaman ini akan bermula dari pukul 8 pagi hingga 9 pagi dan terbuka untuk semua pengunjung taman tersebut.



MAJLIS SANTAI BBQ

PETALING PERDANA, 5 JANUARI 2020 - Persatuan Penduduk Blok O Petaling Perdana telah menganjurkan Majlis Santai BBQ yang telah dirasmikan Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri. Di samping menyantuni penduduk, program ini juga menjadi platform untuk memberi penerangan berkenaan isu-isu keselamatan di Petaling Jaya.



DOA SELAMAT TAHUN BARU

SEKSYEN 52, 11 JANUARI 2020 - Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan dan MPP Zon 18 telah mengadakan majlis doa selamat menyambut tahun baru 2020 yang telah dipimpin oleh Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tn. Syamsul Firdaus Mohamed Supri.



"BERSAMA KOMUNITI KE ARAH 2020 BERSIH & SIHAT"

KELANA JAYA, 12 JANUARI 2020 - Pejabat Ahli Majlis Zon 22 bersama-sama Pejabat Ahli Parlimen Petaling Jaya, Pejabat DUN Seri Setia, Lincoln University College dan beberapa NGO telah menganjurkan *Unity Plogging* dengan tema tema "Bersama Komuniti Ke Arah 2020 Bersih & Sihat". Seramai 400 orang menyertai acara riadah sambil membersihkan kawasan sekitar ini.



EXCO SELANGOR LAWAT TAPAK SAMPAH HARAM

TAMAN MEDAN, 14 JANUARI 2020 - Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, YB Tuan Ir. Izham Hashim, telah turun padang meninjau masalah pembuangan sampah haram dan ternakan haram di rizab Sg. Kelang berhampiran Taman Medan. Turut hadir Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri dan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik.



ZIARAH PRIHATIN KARIAH MASJID JUMHURIAH

TAMAN DATO' HARUN, 15 JANUARI 2020 – Program Ziarah Prihatin bertujuan untuk memberi motivasi dan nasihat kepada pesakit dalam kalangan ahli kariah Masjid Jumahiah supaya terus bersemangat menghadapi ujian. Program ini merupakan anjuran bersama Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik dan ahli jawatankuasa Masjid Jumahiah Taman Dato' Harun.



EDARAN LIMAU

PJS 4, 19 JANUARI 2020 – Untuk mengeratkan silaturahmi masyarakat berbilang bangsa dan sempena kedatangan Tahun Baru Cina, Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon telah mengedarkan limau mandarin kepada pengunjung dan peniaga Pasar Besar Jalan Othman, Petaling Jaya. Turut serta Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Puan Maria Chin Abdullah dan Ahli Dewan Negeri Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri.



PENAMBAHBAIKAN DAN PEMERKASAAN DASAR PELESENAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan garis panduan baru bagi penambahbaikan dan pemerkasaan perkhidmatan kepada pelanggan. Garis panduan ini mengandungi proses dan langkah-langkah menyeluruh ke arah pengurusan serta pengawalan pelesenan yang sistematik. Penambahbaikan dan pemerkasaan dasar pelesenan terkini adalah seperti berikut:

a) Garis Panduan Pelaksanaan Sistem Demerit Di Dalam Pengurusan Usahawan Mikro Di Petaling Jaya

Majlis akan melaksanakan sistem demerit (sistem pemarkahan) bagi setiap pelanggaran syarat yang dilakukan oleh Usahawan Mikro (Penjaja) di Petaling Jaya mulai tahun 2020. Sistem demerit ini adalah suatu prosedur penolakan markah atau mata demerit kepada sesuatu kesalahan atau pelanggaran syarat yang dilakukan oleh penjaja.

Sistem ini bertujuan untuk memastikan semua pemegang lesen mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis. Pelanggaran syarat yang dilakukan oleh pemegang lesen dikategorikan kepada dua, iaitu Kesalahan Kritikal dimana kesalahan yang dilakukan menyebabkan kacau ganggu kepada pihak berkepentingan dan Kesalahan Tidak Kritikal, kesalahan yang tidak menyebabkan kacau ganggu kepada pihak berkepentingan.

Perlaksanaan sistem demerit ini adalah merujuk kepada punca kuasa yang terdapat di dalam Undang-undang Kecil Penjaja MBPJ 2007.

Kaedah pelaksanaan *Standard Operating Procedures* (SOP) Pelaksanaan Penolakan Markah Sistem Demerit adalah seperti berikut:

- i. Peniaga akan diberikan Notis Peringatan Pertama sekiranya 20% markah demerit pertama telah diterima oleh Pemegang Lesen Usahawan Mikro.
- ii. Notis Peringatan Kedua akan dikeluarkan kepada Pemegang Lesen Usahawan Mikro sekiranya 40% markah demerit terkumpul (20% + 20%) telah diterima berdasarkan pelanggaran syarat yang telah dibuat.
- iii. Notis Pembatalan Lesen akan dikeluarkan kepada Pemegang Lesen Usahawan Mikro sekiranya 50% markah demerit terkumpul (40% + 10%) telah diterima berdasarkan pelanggaran syarat yang telah dibuat.
- iv. Jumlah markah yang ditolak adalah termaktub untuk tahun semasa tersebut sahaja dan tidak akan dibawa ke tahun hadapan.

Perlaksanaan Sistem Demerit ini telah dimasukkan di dalam syarat lesen bagi tahun 2020 dan notis pemberitahuan telahpun diedarkan kepada pemegang lesen Usahawan Mikro mulai bulan Ogos 2019. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2020 dan akan dilakukan secara bersepadu bersama jabatan teknikal Majlis.

b) Pelaksanaan Permit Sementara Serta-merta Usahawan Mikro (Bermasa) Di Kawasan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Majlis telah menjalankan kaji selidik terhadap penjaja tanpa lesen di sekitar Petaling Jaya dengan merekodkan sebanyak 1,176 penjaja tanpa lesen (PTL) bermula Mac 2019 sehingga Julai 2019.

Berdasarkan kaji selidik tersebut, satu pelaksanaan Garis Panduan Permit Sementara Serta-merta Usahawan Mikro ini diwujudkan bertujuan bagi mengurangkan isu peniaga tanpa lesen (PTL) di sekitar Petaling Jaya dan dapat meningkatkan ekonomi Usahawan Mikro serta dapat meningkatkan kawalan peniaga yang berlesen supaya menjalankan perniagaan di kawasan yang dibenarkan sahaja. Melalui data kaji selidik yang telah dilaksanakan, Majlis juga telah merekodkan dan membuat pemetaan (Plotting) di dalam *Dashboard PJ Smart City* di bawah kategori *i-hawkers*.

Perkara utama yang boleh dipertimbangkan bagi kelulusan Permit Sementara Serta-merta adalah dengan mengenal pasti lokasi perniagaan yang dibenarkan,

jenis jualan yang dipertimbangkan, tempoh masa perniagaan, logistik yang digunakan dan prakiluluan kepada penjaja.

Tempoh masa perniagaan yang dibenarkan bagi Permit Sementara Serta-merta adalah empat jam dan pembaharuan permit adalah bagi tempoh satu bulan sahaja tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Punca kuasa yang diguna pakai adalah merujuk kepada Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan juga Undang-Undang Kecil Penjaja MBPJ (2007).

c) Pra Kelulusan Permit Kerusi Meja Secara Serta-merta Di Lapangan Dan Pindaan Kelulusan Had Maksimum Kerusi Meja Yang Dibenarkan.

Berdasarkan rekod tindakan kompaun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan mendapati sebanyak 3,783 kompaun pada tahun 2019 telah dikeluarkan atas kesalahan halangan kerusi meja.

Mengikut rekod Jabatan Penguatkuasaan yang telah dikeluarkan, lokasi utama kesalahan halangan tempat awam telah dikenakan adalah di PJS 1 Petaling Utama, PJS 8 Sunway Mentari, SS21 Damansara Utama, PJU 8 Damansara Perdana, PJU 5 Dataran Sunway, Kota Damansara dan Bandar Sri Damansara. Antara jenis-jenis kesalahan halangan tempat awam yang terdapat di lapangan adalah halangan di siar kaki, halangan di dalam petak tempat letak kereta dan halangan gerai di siar kaki.

Justeru itu, penambahbaikan bagi pengeluaran permit sementara kerusi meja dibuat iaitu mengeluarkan prakiluluan permit sementara kerusi meja di lapangan, pemilihan lokasi, waktu operasi kelulusan meletakkan kerusi meja di tempat letak kereta, aspek keselamatan, pemakluman kelulusan permit kerusi meja dipamerkan di luar premis, tiada struktur kekal dibenarkan di kawasan berkenaan, had maksimum kerusi meja, tempoh kelulusan permit sementara kerusi meja, insurans *public liability* mengikut jumlah meja iaitu satu hingga dua puluh meja (1-20 meja) perlu mengambil RM100,000 insurans *public liability* dan tambahan setiap sepuluh (10) meja perlu membuat tambahan sebanyak RM50,000 insurans *public liability*, pelanggaran syarat dan Pelekat kelulusan.

Melalui mesyuarat Jawatankuasa, Majlis telah meluluskan cadangan pengeluaran prakiluluan permit kerusi meja secara serta merta dengan kaedah bayaran penuh atau bayaran 50% permit kerusi meja berserta bayaran cagaran yang akan dikenakan di lapangan.

d) PraKelulusan Dan Kelulusan Permit Meletakkan Kenderaan Motorsikal Dan Basikal Di Luar Premis.

Berdasarkan rekod tindakan sitaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan mendapati sebanyak 687 sitaan pada tahun 2019 atas kesalahan halangan tempat awam.

Melalui Mesyuarat Teknikal Pelesenan Bil. 7 Bertarikh 30 September 2019 bersetuju melesenkan aktiviti meletakkan kenderaan motorsikal atau basikal di luar premis dengan syarat lebihan siar kaki mestilah mencukupi untuk laluan OKU dan kelulusan mengeluarkan lesen juga perlu melihat kepada keluasan siar kaki di kawasan premis yang dipohon.

Justeru itu, Majlis telah meluluskan cadangan penambahbaikan pra kelulusan dan kelulusan permit meletakkan kenderaan motorsikal dan basikal di luar premis di dua lokasi iaitu di kawasan komersial dan di kawasan industri.

Melalui mesyuarat Jawatankuasa, Majlis telah meluluskan cadangan pengeluaran pra kelulusan Permit Meletakkan Kenderaan Motorsikal Dan Basikal Di Luar Premis secara serta merta dengan kaedah bayaran penuh atau bayaran 50% dan Permit Meletakkan Kenderaan Motorsikal Dan Basikal Di Luar Premis berserta bayaran cagaran yang akan dikenakan di lapangan.

PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA 2020

PETALING JAYA

 MUHAMED AZMI YUSOFF
 azmiyusoff@mbpj.gov.my


Majlis Bandaraya Petaling Jaya meneruskan kesinambungan Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) pada tahun 2020 dengan memperuntukkan sebanyak 1.3 juta kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang memenuhi syarat dan kriteria.

Pada tahun ini, Majlis telah memberikan sumbangan peruntukkan RM6,000.00 kepada 177 permohonan Pasukan Keselamatan Keselamatan yang terbahagi kepada 107 Persatuan Penduduk (RA), 40 Rukun Tetangga (RT) dan 30 Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Sehubungan dengan itu, Majlis dengan ini mempelawa semua RA, RT dan JMB di kawasan pentadbiran Petaling Jaya yang layak dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan untuk membuat permohonan peruntukkan bagi tahun 2020 secara atas talian melalui portal PKKPJ di pautan <http://pkkpj.mbpj.gov.my> mulai 1 Januari 2020 sehingga 15 Februari 2020. Pihak RA, RT dan JMB boleh melayari laman sesawang Majlis di <http://www.mbpj.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan manual penggunaan Portal PKKPJ ini. Majlis akan terus bekerjasama dan memberikan sokongan kepada RA/RT/JMB bagi mencapai maksud tujuan ini.

MBPJ PERKENAL SALURAN WHATSAPP ADUAN

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memperkenalkan saluran baharu aduan dengan menggunakan aplikasi whatsapp sejak 3 Januari 2020. Saluran aduan ini diaktifkan bagi membolehkan orang awam untuk membuat aduan mengenai sebarang isu berkaitan kerosakan infrastruktur, kutipan sampah, anjing liar dan lain-lain aduan berkaitan perkhidmatan Majlis di kawasan Petaling Jaya.

Orang awam kini boleh menghantar aduan ke nombor 011-12017914. Setiap aduan yang dihantar akan menerima mesej pesanan (auto reply) dan pengguna perlu melengkapkan butiran dengan mengemukakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat pengadu, keterangan aduan dan lokasi aduan.

Setiap butiran dan keterangan aduan yang tidak lengkap akan menyebabkan aduan berkenaan tidak akan diproses untuk tindakan seterusnya. Untuk makluman, waktu urusan bagi saluran whatsapp adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada waktu bekerja pada setiap hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan Am). Selain aplikasi whatsapp, alternatif lain saluran aduan MBPJ juga disediakan seperti e-mel aduan (aduan@mbpj.gov.my), talian hotline (03-79542020), faks (03-79551804), laman sosial media Facebook <https://www.facebook.com/mbpjaduan>, sistem perhubungan pelanggan <https://embpj.mbpj.gov.my/> dan Aplikasi 'eAduan MBPJ' di peranti *android playstore*.

Panduan Pengguna

- 1) Taip ADUAN MBPJ
- 2) Tekan hantar kepada nombor : **011-1201 7914**
- 3) Pelanggan akan menerima respon secara (auto reply) dan pelanggan perlu melengkapkan butiran dan keterangan aduan seperti dibawah :

a) Nama Penuh :
 b) No. Kad Pengenalan :
 c) No. Tel :
 d) Alamat (Pengadu) :
 e) Keterangan Aduan :
 f) Lokasi Aduan :
- 4) Setelah selesai melengkapkan butiran dibawah, sila taip 'TAMAT' dan hantar.
- 5) Pelanggan akan menerima respon No. Rujukan Aduan sebagai rujukan.

SALURAN WHATSAPP ADUAN MBPJ

Butiran dan Keterangan aduan yang tidak lengkap tidak akan diterima.

Waktu urusan adalah dari jam **8.00 pagi** sehingga jam **5.00 petang** hari bekerja.

Disediakan oleh :
Seksyen Aduan Awam, Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya

www.mbpj.gov.my

 Majlis Bandaraya Petaling Jaya | [pjcitycouncil](https://www.facebook.com/mbpj)

<https://embpj.mbpj.gov.my>



BERITA Misi Perkhidmatan Pelanggan Mesra, Cepat & Tepat KUALITI KEUTAMAAN KAMI

PETALING JAYA

www.mbpj.gov.my
 Majlis Bandaraya Petaling Jaya
 

 pjcitycouncil
  pjkit
  smartpj

BIL. 1/2020 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 ☎ : 03-7958 2695 📧 : media@mbpj.gov.my **PERCUMA**

MBPJ FC

THE BLACK WIDOW

